

# Mahathir: Saya tidak pernah meragui kesetiaan Timbalan Presiden

# Musa: Kami tetap bermuafakat

UM 30 SEP 1985

**K**UALA LUMPUR 29 Sept. — Datuk Musa Hitam hari ini menegaskan secara terbuka dan berterus terang bahawa hubungannya dengan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad bukan sahaja erat tetapi penuh persefahaman dan muafakat.

Datuk Sri Dr. Mahathir pula menyifatkan Datuk Musa sebagai rakan sepakat dalam pentadbiran negara dan parti.

Perdana Menteri juga berkata bahawa beliau tidak pernah menyoal kesetiaan Datuk Musa kepadanya dan kepada parti.

Berikutan dengan itu para perwakilan ke Perhimpunan Agung UMNO yang ke-36 yang tamat hari ini yakin kedua-dua kenyataan itu akan menghapuskan apa juga khabar angin tentang keretakan hubungan kedua pemimpin itu.

Datuk Musa memberitahu perwakilan UMNO yang menghadiri perhimpunan agung hari ini bahawa beliau sentiasa memberikan sokongan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri dan akan terus memberikan sokongan penuh kepada beliau selaku Presiden UMNO.

"Ramai orang memperkatakan terdapat perbalahan antara pucuk pimpinan 2M (Mahathir-Musa) tetapi saya memberi jaminan di sini, kami berdua sentiasa penuh persefahaman dan muafakat," jelasnya dengan sambutan tepukan gemuruh 1,434 perwakilan yang menghadiri perhimpunan agung itu.

Dewan menjadi senyap sunyi apabila Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan itu semasa mengguling perbahasan di hari terakhir perhimpunan agung.

Sekali lagi dewan sunyi apabila Perdana Menteri yang berucap selepasnya, berkata, "persahabatan saya dengan Datuk Musa bukan sahaja cukup erat tetapi sepakat dalam pentadbiran negara dan juga parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ramai orang telah datang berjumpanya dengan menyatakan cuma beliau sahaja membuat kenyataan tetapi Datuk Musa tidak membuat kenyataan tentang perhubungan mereka.

Saya tidak pernah mendesak beliau (Datuk Musa) membuat apa-apa kenyataan (tentang perhubungan me-

# Musa: kami tetap bermuafakat

UM 30 SEP 1985

reka). Saya tidak pernah mempersoalkan kesetiiaannya kepada parti.

"Datuk Musa adalah rakan sepakat saya dalam pentadbiran negara dan pentadbiran parti kita (UMNO)," sambil mengucapkan terima kasih kepada Datuk Musa kerana membuat penjelasan dalam ucapannya bahawa tidak terdapat sebarang perbalahan atau ketidaksepakatan antara mereka seperti yang diheboh-hebohkan.

Beliau berharap para

perwakilan akan menyampaikan mesej ini kepada semua ahli UMNO supaya tidak lagi ada "cerita - cerita yang tidak mendatangkan manfaat kepada kita semua."

Sebelum itu, Datuk Musa berkata: "Ada pihak berkata si Musa sudah bergaduh dengan Dr. Mahathir kononnya kedua-dua kami sudah berpecah, lebih-lebih lagi bila saya tidak ada dalam negeri sewaktu kita menyambut Hari Raya Aidilfitri."

Bila saya berada di luar

negeri, ini diambil sebagai bukti bahawa Musa merajuk kerana ada perbalahan dengan Dr. Mahathir.

"Cakap-cakap ini datang dari kita sendiri (orang UMNO) yang begitu rapat dekat dengan pucuk pimpinan."

Takkanlah saya bergaduh atau berbalah dengan Presiden... kalau diteliti oleh saudara perwakilan. Mengikut rekod pentadbiran di dalam negara kita. Tidak pernah Timbalan Perdana Menteri diberi kepercayaan berpuluh-

puluh kali memangkuk jawatan Perdana Menteri.

"Takkanlah Perdana Menteri tidak ada kepercayaan kalau dengan senang sahaja tidak payah fikir-fikir, kalau beliau keluar negeri saya memegang jawatan Pemangku Perdana Menteri... tak kanlah berpaling tadah," tegasnya.

"Tidak pernah terjadi apa-apa perbalahan di antara kita. Kami berdua menjalankan tugas dan tanggungjawab kami mengikut prinsip tradisi di dalam UMNO dan di dalam kerajaan iaitu prinsip "complimentarity."

Serentak dengan itu, Timbalan Presiden UMNO menghuraikan maksud "complimentarity" iaitu Datuk Sri Dr. Mahathir menjalankan tugasnya sebagai Perdana Menteri yang mana tugas-tugas bidang yang ditentukan olehnya dan beliau (Datuk Musa) diarahkan membuat dan menjalankan tugas da-

lam bidang-bidang tertentu.

Katanya, bila Perdana Menteri atau presiden parti menguruskan soal-soal industri berat, beliau diberi industri-industri ringan atau dalam pembangunan luar bandar.

Itulah sebabnya kalau di dalam industri berat beliau tidak mengambil bahagian, ini tidak bermakna ia tidak menyokong dan menerimanya.

Sebagai contoh, kalau Perdana Menteri pandang ke timur, timbalannya pandang ke barat dan ini tidak harus ditafsirkan sebagai satu proses negatif, malahan proses yang kena dengan proses "complimentarity."

Dalam hubungan ini, Datuk Musa menarik perhatian perwakilan bahawa apa juga yang diisytiharkan olehnya, apa juga yang dibuat, apa juga yang diperkatakan di dalam isu-isu yang besar ialah "hasil daripada muafakat kita se-

mau."

Serentak dengan itu, Timbalan Perdana Menteri menyeru ahli-ahli UMNO menghapuskan apa juga perasaan atau prasangka yang menyatakan ada perbalahan di peringkat parti.

"Di sini bermula dari saya. Kita akan terus memberi sokongan penuh kepada presiden dan akan memberi dan akan menyokong penuh kepada Perdana Menteri kita untuk ia berjaya menghadapi musuh kita lebih-lebih lagi kalau dan apabila kita akan menghadapi rakyat nanti," tegasnya penuh ikrar dengan mendapat tepukan gemuruh lagi dari para perwakilan.

"Saya meminta maaf kepada sesiapa sahaja yang berharap-harapkan ada berlaku keadaan yang diidam-idamkan oleh mereka oleh sebab kita akan terus berjuang dengan satu suara, satu nada bagi parti, bangsa, agama dan negara," tegasnya.